

15/04/2005

BIOTECH-PEMANIS

FIRMA BIOTEK M'SIAN KELUARKAN PEMANIS LEBIH MURAH DRP GULA

Oleh Tengku Noor Shamsiah Abdullah

PUTRAJAYA, 15 April (Bernama) -- Stevian Biotechnology Sdn Bhd mengumumkan hari ini ia telah berjaya mengeluarkan pemanis yang harganya adalah 30 peratus lebih murah daripada gula.

Pengarahnya Sushi Singh Sidhu berkata bahan pemanis itu dikeluarkan daripada tumbuhan stevia, yang dikenali sebagai stevia rebaudiana, tumbuhan renek berasal dari Paraguay.

Daun tumbuhan itu mengandungi kumpoun berasaskan karbohidrat yang 200 hingga 300 kali lebih manis daripada gula, tambahnya. Secara tradisional, daun-daun stevia telah digunakan selama beratus-ratus tahun di Paraguay dan Brazil untuk memaniskan minuman teh tempatan.

Menurut Sidhu, harga bahan pemanis yang dikeluarkan adalah 30 peratus lebih murah daripada gula.

Harga gula di pasaran antarabangsa kini berlegar sekitar AS\$240 (AS\$1=RM3.80) setonne.

Sidhu, yang bercakap kepada pemberita selepas penyampaian satu seminar bioteknologi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di sini, berkata syarikatnya dalam tugasnya telah mengambil seorang ahli sains Russia yang datang daripada sebuah institut penyelidikan dengan lebih daripada 70 tahun data penyelidikan.

Katanya Stevian Biotechnology bergabung dengan rakan-rakan kongsi Russia itu selepas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mempelawa mereka menimbangkan Malaysia sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi mereka.

Ahli-ahli sains Russia itu ketika itu telah mencari lokasi di Asia bagi kerja R&D mereka setelah perpecahan bekas Soviet Union.

Sidhu berkata Stevian Biotechnology telah berjaya menghilangkan rasa pahit yang biasanya dikaitkan dengan kumpoun stevia yang dikenali sebagai steviosides.

"Pemanis kami yang mengandungi sifar kalori adalah sesuai sebagai pengganti gula untuk memasak, membuat roti dan minuman," katanya.

Pemanis itu adalah juga baik bagi pesakit kencing manis (diebetes) dan mereka yang ingin mengurangkan pengambilan gula atas sebab kesihatan.

Menurut Sidhu, syarikat beliau telah menerima sambutan baik daripada pengguna-pengguna utama gula tempatan dan juga di China dan India.

China diunjurkan mempunyai kekurangan sejuta tonne gula tahun ini kerana permintaan mungkin naik kepada 11.5 juta tonne berbanding dengan anggaran bekalan sebanyak 10.5 juta tonne. Kekurangan itu akan ditampung oleh para pengimport dan rizab kerajaan.

Sidhu berkata Stevian Biotechnology, yang berpangkalan di Nilai, Negeri Sembilan, akan menimbang mengeluarkan pemanis di lokasi seberang laut beraasakan usaha sama atau pelesenan.

Syarikat itu, tambahnya, juga menimbang untuk menyenaraikan di Bursa Malaysia pada akhir tahun ini. -- BERNAMA

TNS SHY LC OS